



5H4M DA NANG + HOI AN + BA NA HILLS



**HUE CITY ADALAH BANDARA TERTUA YANG DIKTIRAF
TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO YANG KAYA DENGAN
SEJARAK DAN TERTARIK DENGAN KEINDAHAN SEMULAJADI**

5H4M

DA NANG + HOI AN + BA NA HILLS

SOOKA
MUSLIM FRIENDLY TRAVEL

TOUR CODE:
SDNO4-MH/AK

HARI 01 KUALA LUMPUR - DA NANG

MT/MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke **Da Nang**.

Lawatan di **Da Nang**:

- Bergambar di **Dragon Bridge** yang merupakan ikon bandar Da Nang. Reka bentuk Naga pada jambatan ini dianggap simbol kemewahan dalam budaya Vietnam. Pada waktu malam, jambatan ini disinari oleh ribuan lampu LED yang sangat menakjubkan.
- Bergambar di air pancut **Dragon Carp** yang dibina oleh 30 pengukir dari Non Nuoc. Air pancut ini mirip dengan Merlion yang terkenal di Singapura.
- Berfoto di **Love Lock Bridge** yang diinspirasi dari jambatan padlock terkenal dunia iaitu Pond des Arts di Paris, Hohenzollern di Jerman dan Milvio di Itali.

Bermalam di **Da Nang**.

HARI 02 DA NANG - BA NA HILLS - DA NANG

SP/MT/MM

Lawatan di **Ba Na Hills**:

- Melawat ke **Ba Na Hills** yang mula dibuka oleh penjajah Perancis pada tahun 1919, kemudian dijadikan sebagai tempat persinggahan dan tempat rehat mereka pada hujung minggu. Ba Na Hills ini mempunyai ketinggian 1500-meter dari aras laut, menjadikan suhunya sederhana sejuk sepanjang tahun.
- Peserta akan menaiki kereta kabel perjalanan selama 15-20 minit untuk sampai ke puncak Ba Na Hills.
- **Le Jardin D'amour (Paradise Garden)**: Taman bunga LeJardin D'Amour mempunyai keluasan 21,000 meter persegi dan mempunyai lebih 1000 spesis pokok hidup. Taman bunga gaya Perancis sentiasa menjadi tempat tarikan pelancong terutamanya pencinta alam semula jadi.
- **Da Nang French Village**: Perkampungan Perancis ini merupakan replika seakan-akan seperti zaman Perancis klasik. Semua senibina seperti hotel, cafe, kedai makan, dan bangunan-bangunan lain semuanya bertemakan rekaan zaman Perancis Klasik.
- **Fantasy Park**: Taman tema indoor in terbahagikan kepada tiga tingkat, dimana aras satu merupakan lokasi Thrill Zone, aras kedua Spirit of Adventure dan tiga ialah Mystery World yang memberikan pengalaman berbeza di setiap tingkat. Peserta boleh bermain pelbagai jenis permainan yang menarik seperti Roller Coaster, 360 Ferris Wheels, Rock Climbing dan lain-lain.

Bermalam di **Da Nang**.

HARI 03 DA NANG - HOI AN - DA NANG

SP/MT/MM

Lawatan di **Hoi An**:

- Bergerak ke Hoi An melalui **Marble Mount** merupakan gabungan kepada lima puncak batu kapur yang terletak tujuh kilometer dari pusat bandar Da Nang.
- Singgah di **Non Nuoc Stone Village** yang terletak di kaki pergunungan Marble Mount. Masyarakat di perkampungan ini berkemahiran mengukir kraftangan dengan menggunakan batu marmar dan batu-batu yang lain.
- Peserta akan menaiki sampan bulat yang dipanggil sebagai **Basket Boat** melalui laluan sungai di sepanjang **Bay Mau Coconut Forest** yang berusia lebih lebih dari 200 tahun. Rasai pengalaman melihat persembahan menarik seperti "**Basket Dance**", demonstrasi menangkap ikan menggunakan jala besar dan lain-lain. Peserta digalakkan memberi tip kepada pengemudi Basket Boat.
- Melawat **Old Quarter Hoi An**. Kebanyakan bangunan dan rumah di sini adalah struktur reka bentuk tradisional sejak abad ke-17. Bandar bersejarah yang terletak di wilayah Quang Nam ini pernah menjadi tempat perdagangan terbesar Asia Tenggara pada abad ke-17.

Bermalam di **Da Nang**.

HARI 04 DA NANG - HUE CITY - DA NANG

SP/MT/MM

Lawatan di **Hue City**:

- Bergerak ke Hue City melalui **Hai Van Pass** yang menyajikan pemandangan tepi laut yang menarik.
- Melawat bandar **Hue City** yang dikenali sebagai tapak warisan dunia UNESCO yang kaya dan menarik keindahan semulajadi. Bandar Hue menjadi bandar tertua dan mempunyai banyak sejarah di masa lalu. Ia menjadikan bandar ini terkenal dengan tarikan pelancong datang dari pelbagai negara.
- Pulang ke Da Nang melalui **Hai Van Tunnel** yang merupakan terowong terpanjang di Asia Tenggara iaitu sepanjang 6.28km.
- Masa bebas untuk membeli belah di **Da Nang Market**. Peserta boleh membeli pelbagai jenis barangan unik seperti pakaian, kraftangan tempatan dan cenderahati dengan harga yang berpatutan.
- Masa bebas bersiar-siar di **My Khe Beach**. Sambil anda mendengar bunyi ombak yang menenangkan minda, anda juga boleh merendam kaki di air pantai, bermain pasir dan melihat matahari terbenam.

Bermalam di **Da Nang**.

HARI 05 DA NANG - KUALA LUMPUR

SP

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang.

PERTUKARAN MATA WANG



VIETNAM DONG
VND 100,000 = RM 20



PERBEZAAN WAKTU

Vietnam: GMT+7 Malaysia: GMT+8



Musim Panas:
Jun - September



Musim Luruh:
Okt - November



Musim Sejuk:
Disember - Feb



Musim Bunga:
Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS



1.

DRAGON BRIDGE

Reka bentuk Naga pada jambatan ini dianggap simbol kemewahan dalam budaya Vietnam. Pada waktu malam, jambatan ini disinari oleh ribuan lampu LED yang sangat menakjubkan.



2.

BA NA HILLS

Mula dibuka oleh penjajah Perancis pada tahun 1919, kemudian dijadikan sebagai tempat persinggahan dan tempat rehat mereka pada hujung minggu.



3.

FANTASY PARK

Taman tema indoor in terbahagikan kepada 3 tingkat, dimana aras satu merupakan lokasi Thrill Zone, aras kedua Spirit of Adventure dan tiga ialah Mystery World yang memberikan pengalaman berbeza di setiap tingkat.



4.

BASKET DANCE

Rasai pengalaman melihat persembahan menarik seperti "Basket Dance", demonstrasi menangkap ikan menggunakan jala besar dan lain-lain. Peserta digalakkan memberi tip kepada pengemudi Basket Boat.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Da Nang	4 Mlm

Jadual Penerbangan

HARI	PESAWAT <i>malaysia</i>	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 748	KUL - DAD	1200	1340
5	MH 749	DAD - KUL	1125	1520

HARI	PESAWAT <i>AirAsia</i>	SEKTOR	ETD	ETA
1	AK 642	KUL - DAD	0900	1050
5	AK 643	DAD - KUL	1150	1510

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes). (Hotel berdekatan pantai dan pasar malam).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pakej Termasuk Le' Jardin D'armour, Da Nang French Village dan Fantasy Park.
- Menaiki sampan Basket Boat di Hoi An.
- Kereta kabel ke puncak Ba Na Hills.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.